

# 60-an kembali di UPM

BILA bercakap tentang zaman 60-an, mesti akan terbayang pakaiannya, kaca mata hitam, motor Vespa, muzik pop yeh yeh dan semestinya Allahyarham M. Shariff yang boleh dianggap legenda

pada zaman itu.

Bagi mengenang kembali zaman 60an, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) Universiti Putra Malaysia

(UPM) menganjurkan program '60-an Kembali' pada 7 Mac ini bertempat di hadapan Dewan Besar UPM, Serdang bermula dari 8 pagi hingga 12 tengah malam.

Menurut Pengarah PKKSSAAS UPM, Mahfooz Haroon, antara aktiviti pada hari tersebut ialah *Malam Mengenang Legenda Allahyarham M. Shariff* dan barang-barang kenangan seperti gitar, album dan bajunya akan dipamerkan bagi tantangan umum.

"Kami akan membawa kumpulan The Zurah 3 yang dahulu bersama dengan Allahyarham M. Shariff memainkan lagu-lagu beliau bagi mengimbuai kembali zaman 60-an itu.

"Anak lelaki M. Shariff, Mohd. Fareed juga akan menyanyikan lagu-lagu Allahyarham ayahnya pada malam itu," kata Mahfooz ketika ditemui pada sidang media di Serdang baru-baru ini.

Selain itu, pada malam program itu juga akan diadakan pertandingan akhir 'Mencari Bintang 60-an'. Seramai lapan orang peserta akan berentap dengan mempersembahkan dua buah lagu 60-an setiap seorang dengan diiringi oleh kumpulan The Zurah 3.

Pertandingan nyanyian ini akan dibuka kepada orang ramai tanpa had umur bagi mengembalikan nostalgia

60-an di kalangan peserta dan penonton.

Yuran penyertaannya hanya RM20 sahaja dan johan pertandingan akhir 'Mencari Bintang 60-an' akan menerima RM1,000, naib johan pula akan menerima RM700 dan tempat ketiga akan mendapat RM500.

Tarikh tutup penyertaan ialah pada 27 Februari sementara, saringan pada 1 Mac dan pertandingan akhir pada 7 Mac.

Antara aktiviti-aktiviti menarik yang bakal disajikan senamrobik 60-an, pameran kereta mini, pameran motor Vespa dan Lambretta dan karaoke lagu-lagu 60-an.


Program ini bakal dihadiri oleh Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah manakala bintang undangan yang akan hadir selain The Zurah 3 ialah J. Sham dan pengacara undangan pula Imuda dan Ahmad Busu.

Tambah Mahfooz, program ini bertujuan mengangkat dan mengimbuai kembali zaman 60-an yang sangat istimewa baginya kerana di situlah kehalusan perasaan seni orang Melayu boleh dilihat.

Bagi yang berminat untuk menyertai 'Mencari Bintang 60-an' atau ingin mendapatkan keterangan lebih lanjut mengenai program '60-an Kembali' ini, bolehlah menghubungi Abdul Ghani Ahmad di 03-8946 7527.



MAHFOOZ HAROON



UTUSAN MALAYSIA 25/2/09